

Pasarkan kereta import ditala sepenuhnya

Mutiara Motor labur RM30 juta

Oleh ARIF NIZAM ABDULLAH
bisnes@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 17 Jan. – Mutiara Motors Sdn. Bhd. (Mutiara Motors) merancang melabur RM30 juta bagi memasarkan kereta import yang ditala sepenuhnya (*complete tuned the car*) mulai akhir suku pertama tahun ini.

Pengarah Urusannya, Mokhtar Ahmad berkata, pelaburan itu melibatkan usaha membawa masuk kereta dari Jepun yang ditala semula menggunakan produk jenama M7 bertujuan meningkatkan prestasi dan kuasa kereta.

Beliau berkata, kereta berkenaan terdiri daripada model popular seperti Mitsubishi Evo dan Toyota Vellfire yang akan dinaikkan taraf sepenuhnya daripada segi aspek enjin, teknologi, penampilan luaran dan dalaman kereta.

"Kereta itu akan dijual bersama sijil pengiktirafan yang dikeluarkan dari Jepun dan pembeli tidak perlu bimbang tentang modifikasi yang dijalankan ke atas kereta itu kerana ia mengikut undang-undang di negara ini.

"Perancangan itu melibatkan kerjasama dengan sebuah syarikat ternama dari Jepun yang terkenal dengan kegiatan mengeluarkan kereta berkuasa tinggi.

"Ketika ini proses rundingan antara kedua-dua pihak sedang rancak berlangsung sebelum ia dijangka dimuktamadkan pada akhir Mac ini," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini, Turut hadir Pengerusi



SEBAGIAN kereta yang menjalani talaan sepenuhnya di Pusat Penyelidikan dan Pembangunan di Mutiara Motors.

KIRI: AHMAD Kemin (kanan) bersama Mokhtar Ahmad menunjukkan minyak pelincir M7 Street Oil keluaran terbaru di Mutiara Motors, Johor Bahru, baru-baru ini.

Eksekutif Mutiara Motors, Datuk Ahmad Kemin.

Mengulas lanjut, Mokhtar berkata, 2010 dijangka menjadi tahun yang sibuk buat Mutiara Motors yang turut mengimport kereta mewah seperti BMW, Mini Cooper dan Mercedes pada akhir bulan ini.

Jelas beliau, sehingga kini tempahan ke atas semua model kereta itu amat menggalakkan apabila jumlah keseluruhannya telah mencecah 15 buah.

Katanya, sambutan itu berdasarkan kepada diskaun harga yang ditawarkan sehingga RM10,000 berbanding pesaing lain.

"Sebelum ini, kami tidak mengimport model-model kereta itu kerana tidak mempunyai kakitangan teknikal sokongan dan lebih berpengalaman dalam kereta buatan Jepun.

"Tetapi sekarang kita sudah miliki perisian bagi semua kereta itu, sekali gus menyebabkan syarikat bawani dan bersedia membawa masuk model kereta berkenaan," kata beliau.

Mokhtar menambah, pada Jun ini pula, Mutiara Motors akan menjadi pengedar utama kereta mewah Lexus di Johor, iaitu pengedar ketiga selepas di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Katanya, ketika ini pihaknya sedang membangunkan pelan bilik

pameran dan tapak yang sudah dikenalpasti terletak di Johor Bahru.

"Kami baru mendapat surat tawaran sebagai pengedar dan sedang menanti kedatangan wakil syarikat Lexus untuk meninjau tapak cada-

ngan bilik pameran itu, sama ada sesuai atau tidak," katanya.

Mokhtar menambah, pihaknya juga sedang bergerak dengan agresif dalam usaha menjadi pemain global yang disegani dan dihormati di per-

sada antarabangsa menerusi pengedaran produk M7.

"Kami sudah mendapat permintaan dari Amerika Syarikat (AS) dan akan mula memasuki negara itu pada September ini manakala pasaran United Kingdom (UK) dijangka pada awal tahun depan.

"Pada masa sama, kami juga akan menerokai pasaran Timur Tengah dalam usaha mencapai matlamat menjadi pemain global untuk produk M7," katanya.

Ditanya sambutan produk M7 di negara ini, beliau berkata, sejak menjalin usahasama bersama rakan strategik dari Jepun itu sejak Jun tahun lalu, Mutiara Motors berjaya mencatat jualan RM3 juta sehingga kini.

Produk kereta M7 dihasilkan 100 peratus di Jepun oleh M7 Co. Ltd. (Japan) meliputi produk seperti minyak pelincir, produk elektronik, sistem turbo dan sistem ekzos.

Bagaimanapun, pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) produk itu terletak di ibu pejabat baru Mutiara Motors yang mula beroperasi Mei tahun lalu.